

Perhimpunan Doa Methodist 2014
卫理公会全国祷告大会 2014
Methodist Prayer Convention 2014
மெதடிஸ்ட் ஜெப மாநாடு 2014
Gempuru Besai Besampi Methodist 2014

OGOS – BULAN PUASA DAN DOA
PANDUAN DOA

Persediaan Doa adalah diperlukan supaya Perhimpunan Doa menjadi benar-benar bermakna. Kami merayu kepada Keluarga Methodist dari semua Persidangan Tahunan merentasi Malaysia supaya Berpuasa dan Berdoa dari 1 hingga 7 Ogos untuk membuat persediaan dalam hati bagi MPC 2014. Dengan ini disertakan Panduan Doa untuk kegunaan anda.



Petikan-petikan injil diambil dari versi Alkitab Berita Baik Bahasa Melayu. Panduan ini disediakan oleh Pasukan Doa MPC. Untuk edaran dalaman sahaja. Bahan utama yang dirujuk semasa penyediaan panduan doa ini diambil dari Menyediakan Jalan ke arah PEMULIHAN oleh Ian Malins.

Sumber-sumber Bahan Doa boleh didapati di laman web www.methodistprayerconv.com dan www.methodistchurch.org.my.

Mesaj dari Bishop Ong Hwai Teik....

Saya ingin berkongsi tentang apa yang Tuhan telah letakkan di hati saya, ketika kita sebagai sebuah Keluarga Methodist berusaha menjadi “Sebuah Gereja yang Berkenan di Hati Tuhan” sejak tahun lepas. [Ramai ahli, pemimpin dan pendoa syafaat Methodist bersetuju dengan tema ini kerana kita dapat merasai kepastian dari Roh Kudus]. Dalam konteks ini, saya ingin berkongsi tentang isu-isu yang Roh Kudus telah bebaskan di dalam hati saya. Empat set kata-kata berikut adalah untuk kita sebagai Keluarga Methodist mempertimbangkan dalam doa, memberi tanggapan dan respon:

- **“Sekatan-sekatan yang telah dibudayakan”** – dengan sungguh-sungguh meminta Roh Kudus untuk memeriksa diri kita akan hal-hal yang tidak lagi kita perhatikan kerana telah “menjadi sebahagian daripada kita” atau telah menjadi budaya kehidupan rohani komuniti kita sehingga menyedihkan hati Bapa kita. Saya menyedari hal ini apabila baru-baru ini GCEC membentuk sebuah Jawatankuasa Kerja untuk mengkaji pelayanan kita di kalangan komuniti-komuniti Orang Asal – di mana kita perlu menggunakan bahasa yang boleh difahami oleh saudara seiman kita yang berketurunan Orang Asli (yang tidak mengerti Bahasa Inggeris) dalam mesyuarat-mesyuarat kita!
- **“Identiti Komunal sebagai Gereja di Malaysia”** – sekarang adalah musimnya bagi seluruh Gereja di Malaysia untuk menunjuk dan membuktikan perpaduan kita sebagai tubuh Kristus secara benar dan sah. Sebagai Gereja Methodist di Malaysia, kita melakukan hal ini dengan niat, keikhlasan serta mengambil langkah-langkah yang mampu dilakukan untuk mengatasi tembok-tembok perpecahan dan perbezaan dari segi suku, kaum, denominasi, geografi, kekayaan dan sebagainya – di kalangan umat Tuhan di negara ini yang berbeza daripada kita.
- **“Penderitaan menyucikan dan menuliskan”** – percubaan, kesusahan dan penganiayaan akan menentukan sama ada kita benar-benar merupakan pengikut dan murid Kristus. Kita akan terus berasa kesakitan melahirkan yang kian meningkat. “Kesakitan sewaktu bersalin” ini dikenakan ke atas kita oleh pihak-pihak yang menentang Kristus dan Gereja-Nya di negara ini. Tetapi apabila kita memberi respon dengan cara yang betul, ini akan melahirkan satu kehidupan yang kudus, tulen serta kehidupan kesaksian yang penuh kuasa bagi Gereja di Malaysia.
- **“Memisahkan yang abadi daripada yang sementara”** – Sejak awal lagi Gereja Tuhan telah ditentukan untuk menjadi kesaksian kosmik “supaya melalui jemaah, semua yang memerintah dan yang berkuasa di angkasa dapat mengetahui pelbagai ragam kebijaksanaan Allah.” [Efesus 3:10] Janganlah kita menaruh segala harapan kita kepada kuasa-kuasa, parti, personaliti serta politik yang hanya bersifat sementara. Sebaliknya, biarlah kita menjadi garam dan cahaya yang terlibat secara aktif dalam dunia, masyarakat dan negara kita demi rancangan dan kemuliaan Tuhan yang lebih besar.

Pada **MPC 2014** ini, marilah kita bersama-sama mencari wajah Tuhan supaya Gereja Methodist di Malaysia benar-benar akan menjadi “Sebuah Gereja yang Berkenan di Hati Tuhan”. Marilah kita persiapkan diri kita dengan memberi keutamaan untuk meluangkan masa “persendirian” bersama Tuhan secara peribadi setiap hari dalam satu hubungan yang intim dengan Bapa kita.

Menerusi Roh Kudus, semoga Dia memberikan keinginan kepada umat-Nya yang dipanggil sebagai Methodist untuk mencari wajah-Nya, dan mengurapi kita dengan “iman yang mampu memindahkan gunung”; iman yang datang apabila seperti Tuhan Yesus kita memberikan masa kepada Bapa untuk mendalami hubungan peribadi dan individu kita dengan-Nya. Dengan itu, secara kolektif dan komunal kita akan menjadi “penggerak-penggerak gunung” di zaman dan generasi kita tanpa mengira betapa besar gunung-gunung itu kelihatan di negara dan rantau ini.

POKOK-POKOK DOA MPC 2014

Dalam menanti ketibaan MPC 2014, marilah kita berdoa dengan kurnia dan kuasa perkerjaan Roh Kudus supaya ...

1. Keluarga Methodist akan dibebaskan daripada **“Sekatan-sekatan yang telah dibudayakan”** terutamanya dalam aspek doa... daripada kekurangan minat dalam hal-hal rohani... keraguan... keutamaan yang tidak kena tempat... kehilangan semangat dan kekecewaan... yang membuat kita mahu datang bersama untuk mencari wajah Tuhan di perhimpunan ini.
2. Keluarga Methodist akan menerima kuasa yang lebih besar serta keinginan yang lebih mendalam ketika kita datang bersama untuk mendemonstrasi kesatuan kita dengan orang percaya yang lain di negara ini dalam merealisasikan **“Identiti Komunal sebagai Gereja di Malaysia”**.
3. Keluarga Methodist akan bersedia menghadapi kesusahan, penganiayaan serta penderitaan demi kemuliaan Bapa kita kerana **“Penderitaan menyucikan dan menulenkan”** kita sebagai saksi kosmik Tuhan dalam masa pergolakan di negara ini.
4. Keluarga Methodist akan sentiasa tahu bagaimana **“Memisahkan yang abadi daripada yang sementara”** – dan hidup dalam ketaatan sesuai dengan Efesus 3:10 – dalam kehidupan individu kita mahupun kehidupan komuniti sebagai umat Tuhan yang dikenali sebagai Methodist di Malaysia.



PENGENALAN RINGKAS

Apakah itu Perhimpunan Doa Methodist (MPC)?

Perhimpunan Doa Methodist (“MPC”) merupakan satu landasan untuk menghimpunkan seluruh Keluarga Methodist di Malaysia untuk berdoa. Sambil kita merendahkan diri di hadirat Tuhan, kita mengingatkan umat yang bergelar Methodist tentang kepentingan berdoa. MPC diadakan setiap empat tahun.

Sejarah MPC

MPC Pertama pada 31/8 - 2/9/2007 diadakan di Sunway Convention Centre, Selangor

Tema: “Bersatu Dalam Kristus Melalui Doa”

MPC Kedua pada 29/4 – 1/5/2011 diadakan di Sibu, Sarawak

Tema: “Menyebarkan Kekudusan Alkitabiah, Mentransformasikan Negara”

MPC Ketiga 2014

Tema: Gereja Yang Impikan Hati Nurani Tuhan

29 – 30/8/2014 (Jumaat - Sabtu) akan diadakan di Sunway Convention Centre, Petaling Jaya, Selangor

31/8/2014 (Ahad) Kebaktian Perjamuan Suci Bersama akan diadakan di Stadium Putra, Bukit Jalil

Matlamat MPC Ketiga

Gereja sedang menghadapi cabaran-cabaran yang tidak pernah berlaku dalam kehidupan negara kita. Sedangkan kita mengambil berat tentang pelbagai isu dan peristiwa yang berlaku, Tuhan sebaliknya mengambil berat tentang keadaan gereja dan Dia sedang memanggil gereja supaya kembali kepada-Nya. *Bagaimanakah kita boleh menjadi gereja yang berkenan di hati Tuhan?* Kita perlulah merendahkan diri kita serta menyatukan hati dan suara kita untuk mendekati Tuhan melalui doa dan berusaha mengenali-Nya bersama seluruh Keluarga Methodist di Malaysia. Kita mendekati Tuhan supaya menjadi umat yang diubah yang mengenali hati-Nya, dan akan melaksanakan kehendak Tuhan yang ulat demi generasi ini di tanah air kita.

Thema MPC III: Gereja yang Berkenan di Hati Tuhan

Pleno 1: Peribadi, Hadirat dan Kuasa Roh Kudus

Penceramah: Rev. Dr. Stephen Seamands

Pleno 2: Menjadi Murid Kristus yang Mutlak, Sepenuh dan Kudus dalam kehidupan seharian, terutama di tempat kerja

Penceramah: Rev. Dr. Joshua Ting

Pleno 3: Merendahkan Diri Kita dalam Mencari Tuhan: Sikap dalam Doa

Penceramah: Rev. Dr. Stephen Seamands

Bengkel 1: Ibadah Syurga Terbuka: Menemui Tuhan dalam Penyembahan

Penceramah: (BI) Rev. Dr. Stephen Seamands

(BC) Rev. Jerry Coleman

(Tamil) Rev. Jerry Coleman

(BM) Ps. Simon Petrus Markus

Bengkel 2: Berdoa dan Berhubung dengan Semua Jiran Kita di Malaysia

Penceramah: (BI) Mr. Eugene Yapp

(BC) Rev. Dr. Joshua Ting

(Tamil) Mr. Tan Kong Beng

(BM) Ps. Alfred Tais

Penceramah Kebaktian Perayaan: Rev. Dr. Stephen Seamands

PERHIMPUNAN DOA METHODIST 2014 PANDUAN BERPUASA

Apa itu berpuasa?

Pada umumnya, ia bermaksud menghindar/menahan diri daripada minum dan makan yang dilakukan dalam konteks rohani untuk sebab-sebab tertentu. Ia dapat diamalkan secara individu atau korporat/bersama.

Apa itu puasa yang sejati?

Ia tentang membuka diri kita kepada kerja dan tujuan Tuhan. Ia menyatakan kerendahan hati, taubat, disiplin diri dan pergantungan sepenuhnya kepada Tuhan. Ia melibatkan menyerahkan diri kita, doa, doa perantaraan/syafaat dan mencari bimbingan daripada Tuhan. Yesaya 58:5-12; Matius 6:16-18 dapat membantu kita memahami apa yang dianggap oleh Tuhan sebagai puasa yang sejati.

Apakah matlamat berpuasa?

Untuk bertaubat dari dosa-dosa kita, berpaling dari jalan kita yang jahat, dan mencari Tuhan dengan kesedaran rohani yang peka supaya persekutuan kita dengan Tuhan akan diperdalamkan, serta kehendak Tuhan ditaati.

Apa yang diperlukan supaya puasa berkesan dan bermakna?

- Sikap dan fokus hati kita akan menentukan tahap kejayaan dan hasil yang diinginkan yang akan dialami.
- Oleh itu, kita perlu memeriksa hati kita dengan jujur, menyerahkan serta mengarahkan hati dan fikiran kita agar sejajar dengan Tuhan, membenarkan-Nya melakukan apa yang Dia ingini dalam kita sepenuhnya, supaya kehendak-Nya menjadi kehendak kita
- Hanya dengan cara ini kita bebas mempersembahkan doa yang sejati untuk Tuhan memerintah sebagai raja dan kehendak-Nya di taati di bumi – dalam kehidupan kita, keluarga kita, gereja kita dan setiap arena masyarakat.
- Puasa yang sejati akan terbukti melalui perubahan sikap dan gaya hidup kita, yang akan memperlihatkan nilai-nilai dan prinsip-prinsip Pemerintahan Tuhan dalam kata-kata dan perbuatan yang memuliakan Tuhan sebagai Tuhan dalam kehidupan seharian kita.

Jenis-Jenis Puasa

Silakan memilih jenis puasa mengikut bimbingan Tuhan:

- Puasa penuh: Mengambil hanya air atau cecair, menjauhi daripada makanan pejal.
- Puasa Makan Satu Kali: Mengorbankan makan satu kali sehari.
- Puasa Daniel: Menjauhi daripada memakan daging, hanya memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.

Perhatian: Menjauhi daripada “gangguan dan ketagihan” seperti televisyen, surat-khabar, mainan komputer, menonton filem, Internet/Facebook adalah amat digalakkan ketika berpuasa.

Berpuasa bersama-sama orang lain

- Puasa Keluarga: Untuk membina mazbah keluarga, bersetuju untuk berpuasa dan berdoa sebagai satu keluarga. Tetapkan jenis puasa yang sesuai/selesa bagi semua ahli keluarga. Untuk Waktu Renungan Keluarga: berkumpul untuk membaca Alkitab serta berdoa mengikut tema/fokus/tujuan doa.
- Puasa Kelompok Sel: Berpuasa bersama-sama sebagai satu kumpulan dengan menetapkan jenis puasa yang akan dilakukan. Kamu boleh menjadualkan waktu doa tertentu setiap hari untuk ahli-ahli kumpulan sel bagi menyelaraskan doa mereka sedang mereka berpuasa.
- Puasa Gereja: Menggalakkan ahli-ahli jemaah untuk sama-sama berpuasa pada satu hari/minggu tertentu.
- Puasa Telefon/Skype: Bertekad untuk berdoa bersama seorang dengan mengadakan temu-janji doa harian melalui telefon. Tetapkan waktu dan panggilan satu sama lain untuk berdoa.

Seruan Untuk Bangkit

Text Injil: Daniel 6, Ester 4:13-16

Pada zaman John Wesley, gejala rasuah, kegelapan dan kemurungan wujud di seluruh England. Namun, TUHAN menggunakan hamba-Nya dan umat yang bergelar Methodist untuk mengubah keadaan England malah menginjili sebahagian besar Amerika. Keadaan di Malaysia hari ini nampaknya tidak bertambah baik. Sebenarnya, keadaan kita mungkin amat sama dengan Daniel 6, yakni musuh-musuh politik menggunakan undang-undang untuk menyekat apa yang pada asalnya tidak menyalahi undang-undang dan tidak membahayakan (Walaupun Daniel seorang warga tawanan, dia tetap setia sepenuhnya dan menyumbang kepada kebaikan Empayar Parsi. Oleh sebab dia menyembah Tuhannya serta berdoa tiga kali sehari, itulah telah didakwa sebagai jenayah!) Segelintir orang yang memfitnah itu langsung tidak memikirkan tentang kebaikan empayar ataupun rakyatnya. Mereka berbuat demikian semata-mata demi kemajuan politik mereka sendiri, melalui penipuan dan laporan yang salah kepada Raja Darius. Undang-undang dimanipulasikan untuk mencapai matlamat kepentingan sendiri. Namun, kesetiaan Daniel terhadap TUHAN, *ibadatnya yang konsisten dan tekun, hasil kerjanya yang cemerlang dan khidmatnya yang sempurna* terhadap raja asing, rakyat serta empayar; akhirnya telah digunakan oleh TUHAN untuk meninggikan nama-Nya sendiri di seluruh negeri itu!

Dari sudut sejarah, TUHAN telah menggunakan Gereja Methodist dalam pembangunan negara Malaysia. Gereja telah memberikan sumbangan-sumbangan yang ketara dari segi pendidikan, kebajikan masyarakat, pembangunan kota (contohnya Sibu dan Sitiawan), dan lain-lain. Tuhan telah menetapkan peranan untuk dimainkan Gereja Methodist sebagai sebahagian daripada Gereja di Malaysia. Kita diberkati sebagai ahli-ahli Keluarga Methodist. Setiap daripada kita penting (1 Korintus 12:12-27). Sanggupkah kita menyahut seruan serta mengambil kedudukan yang ditetapkan oleh Kepala dalam Tubuh-Nya dan menjalankan fungsi kita sepenuhnya? Sebagaimana yang dikatakan oleh Mordekai kepada Ester, “Siapa tahu, mungkin justeru untuk masa seperti inilah kamu sudah dipilih menjadi permaisuri!” Semoga Roh Kudus membantu kita semua untuk memberi maklum balas seperti Ester, “Suruhlah mereka berpuasa ... Saya akan menghadap raja ... Jika saya harus mati kerana hal itu, biarlah saya mati.” (Ester 4: 13-16)

Panduan Doa:

1. Berdoalah agar TUHAN membantu saya melihat gambaran yang besar: Malaysia, Gereja Malaysia, Gereja Methodist, gereja tempatan saya dan saya.
2. Mintalah agar TUHAN menunjukkan saya peranan dan fungsi khusus saya.
3. Mintalah rahmat dan bantuan daripada Roh Kudus untuk melaksanakan tanggungjawab saya.
4. Mintalah agar TUHAN membantu Gereja Methodist untuk memainkan peranannya dalam negara kita – sebagai sebuah Gereja yang berkenan di hati TUHAN sendiri.

Jalan Tuhan BUKANLAH jalan manusia

Teks Injil: Yesaya 55:8-9, 2 Tawarikh 7:13-15

Kita semua begitu biasa dengan petikan dari 2 Tawarikh bab 7, namun adakah kita benar-benar menurut dan mematuhiya serta mempercayai bahawa ini akan berlaku?

¹³ *Apabila Aku menahan hujan, atau menyuruh belalang memakan habis tanaman, atau mendatangkan wabak kepada umat-Ku, ¹⁴ tetapi jika umat-Ku yang dipanggil atas nama-Ku*

(a) merendahkan diri

(b) berdoa kepada-Ku

(c) mendekati-Ku bersemuka

(d) lalu bertaubat dan berhenti melakukan perbuatan jahat,

maka Aku (TUHAN)

(a) dari syurga akan mendengarkan mereka

(b) dan mengampunkan dosa mereka

(c) serta menjadikan negeri mereka makmur semula

(2 Tawarikh 7: 13-14)

Keadaan negara semakin merosot; bahkan keadaan fizikal juga tidak kondusif dan satu lagi tragedi pesawat MAS telah berlaku! Siapakah yang mampu mengubahnya? Legislatif, kehakiman atau eksekutif? Kerajaan, pakar ekonomi atau para sosialis? Ataupun umat yang dipanggil oleh Tuhan? Kita telah dipanggil TUHAN, kita umat-Nya, juga digelar Methodist. Adakah saya akan memikul tanggungjawab untuk pemulihan negara? Formulanya adalah jika kita melakukan empat perkara, TUHAN akan melakukan tiga perkara dalam pemulihan kesihatan negara kita.

Panduan Doa:

1. Berdoalah agar Roh Kudus meyakinkan hati saya bahawa saya warganegara Malaysia yang dipanggil atas nama Tuhan, dan bahawa kepatuhan saya terhadap Firman Tuhan akan menentukan arah tuju negara saya.
2. Mintalah agar Roh Kudus membuka mata saya untuk melihat penyelesaian-Nya bagi setiap kemusykilan.
3. Berdoalah agar jemaah Tuhan akan mengerti dan mula berfungsi sebagai umat yang dipanggil atas nama-Nya.
4. Berdoalah untuk mewujudkan pertaubatan yang ikhlas, hidup berdoa serta amalan doa syafaat, menurut 2 Tawarikh 7:14.

Mengatasi Sifat Keangkuhan

Teks Injil: Yesaya 66: 1-2, 1 Petrus 5: 5-6

Keangkuhan merupakan halangan utama kepada kebangkitan rohani. Kita sering beranggapan bahawa kita mampu mengurus dan melakukan semua perkara dengan cara kita sendiri. Kita tidak mencari Kehendak Tuhan serta tidak bergantung kepada Roh Kudus-Nya.

Bagaimanakah dapat kita merendahkan diri?

- (a) 2 Tawarikh 7:14 kita merendahkan diri ketika kita berdoa serta mencari hadirat Tuhan
- (b) Mazmur 51:16-17 kita merendahkan diri waktu kita mendekati Tuhan dengan hati yang remuk
- (c) Yakobus 5:16 kita merendahkan diri apabila kita saling mengakui kesalahan masing-masing
- (d) Matius 6:14-15 kita merendahkan diri ketika kita rela mengampuni orang lain
- (e) Yohanes 13:3-5 kita merendahkan diri dengan melayani orang lain

Jawapan kepada keangkuhan ialah hati yang remuk. Semoga kita menyedari bahawa segala-galanya datang dari Tuhan, sedangkan kita tidak layak menerima berkat daripada perbuatan Tuhan demi kita. Biar pun begitu, Dia tetap mencintai kita dan memilih kita sebagai alatnya. Sesungguhnya tiada apa-apa yang boleh kita megah-megahkan.

Panduan Doa:

1. Mintalah supaya Roh Kudus menyelidiki hatimu dan menyatakan keangkuhan kita sewaktu kita endah tak endah dengan perjalanan hidup, padahal kita harus selalu meminta bantuan Roh Kudus.
2. Mintalah agar Bapa memenuhimu dengan Roh-Nya dan agar Roh Kudus akan memberikan kepadamu minda Kristus. Akuilah kepada TUHAN dengan rendah diri keperluanmu/kelemahanmu dan mintalah TUHAN mengubah hatimu, mewujudkan peribadi yang merindukan hadirat Tuhan.
3. Mintalah pengampunan bagi pihak jemaah, jika kita menjalankan hidup mengikut sesuka hati.
4. Mintalah agar Roh Kudus membimbing gereja – para paderi, pemimpin, ahli-ahli supaya saling menghormati, saling melayani dengan rendah diri, menurut cara TUHAN dengan melakukan lima perkara di atas.

Mengandalkan Tuhan & Menghauskan Hadirat-Nya

Teks Injil: Mazmur 84: 1-2, 10; Yeremia 29: 12-14a

2 Tawarikh 7: 14 tetapi jika mereka (yang dipanggil atas nama-Ku) *berdoa* kepada-Ku lalu bertaubat (*mendekati-Ku bersemuka*) ... Doa menunjukkan bahawa kita bergantung kepada Tuhan. Namun, cuma doa-doa yang selaras dengan Rencana Tuhan akan dilaksanakan. Yakobus 4: 2b-3, Markus 14:36. Kita perlu belajar untuk mendekati Tuhan serta memuat turun daripada Hati-Nya dan kemudian berdoa selaras dengan isi Hati-Nya. Dengan itu, pastilah Rencana-Nya akan dilaksanakan di bumi – ini dipanggil **doa-doa yang mendengar**.

Adakah kita sangat-sangat teringin untuk mencari muka Tuhan?? Dalam erti kata lain, adakah kita merindui hadirat-Nya (Mazmur 27: 4, 84: 1-2, 10)? Keintiman, mendekati Hati-Nya, mengetahui Rencana-Nya; mencintai apa yang dicintai-Nya (kebenaran, keadilan, kasih), membenci apa yang dibenci-Nya (ketidakadilan, rasuah dan penindasan); menghauskan hadirat-Nya merupakan kunci kepada kebangkitan rohani – yakni hadirat TUHAN yang kuat menjadi kenyataan!

“Semangat yang mendahagakan hadirat Tuhan bermula dari doa.” Ian Malins, *Menyediakan Jalan ke Arah Pemulihan*. Marilah dirikan Doa yang Bersemangat, Doa yang Berterusan, Doa yang Meyakinkan (memegang janji-janji Tuhan serta berdoa kepada-Nya kembali) serta Doa yang Bertaubat (duka yang mendalam kerana dosa). Biarpun secara individu mahupun berjemaah ataupun bergabung dengan gereja-gereja lain, marilah kita berdoa sehingga 2 Tawarikh menjadi kenyataan di negara kita, yakni sehingga Tuhan datang untuk memulihkan bumi kita serta tinggal di tengah-tengah kita!

Panduan Doa:

1. Berdoalah agar Roh Kudus akan menyedarkan kita akan kesia-siaan mengandalkan mod pandu automatik (auto-pilot) dalam menguruskan perkara-perkara mengikut cara kita sendiri. Jika benar ini dilakukan, marilah kita meminta keampunan Tuhan, bertaubat serta kembali kepada cara hidup yang bergantung kepada-Nya.
2. Mintalah agar Roh Kudus memenuhi kita dengan ketakutan akan Tuhan, agar kita gentar akan Firman-Nya serta disedarkan akan pentingnya untuk membenarkan Tuhan melakukan kehendak-Nya dengan cara-Nya.
3. Berdoalah agar Roh Doa Syafaat akan membangkitkan kita untuk menyedari betapa perlunya kita bertelut lutut untuk berdoa.
4. Berdoalah untuk perkara-perkara di atas di peringkat gereja.

Taubat adalah Kunci

Teks Injil: 2 Tawarikh 7: 14, Matius 3: 1-12

Pergerakan Tuhan yang luarbiasa tidak akan terjadi tanpa pertaubatan. Bertaubat merupakan keinsafanan mendalam yang membawa perubahan hati serta membimbing ke arah perubahan perilaku. Ini merupakan proses yang berterusan. Ini bermula ketika Roh Tuhan memberi wahyu serta keinsafan, dan oleh kasih Tuhan kita boleh membuat keputusan untuk menyahut wahyu/keinsafan tersebut.

Semoga Roh Kudus membawa kesedaran kepada kita terhadap Kekudusan Tuhan serta kesedaran tentang betapa dalamnya dosa. Senarai semak Charles Finney, seorang pengkhotbah pemulihan mengandungi kategori-kategori berikut:-

- a. Perbuatan yang salah (tangan yang tidak suci?)
- b. Sikap yang salah (hati yang tidak tulen?)
- c. Idaman yang salah (pemujaan berhala?)
- d. Kata-kata yang salah (kepalsuan?)

Sesungguhnya kita ingin menjadi umat yang berkenan di Hati Tuhan (atau bagaimanakah Gereja Methodist akan berkenan di Hati Tuhan ?), marilah kita mengambil langkah-langkah tegas untuk bertanya kepada diri kita soalan-soalan di atas dan izinkan Roh Kudus bekerja di hati kita. Ini merupakan satu proses. Walaupun begitu, bermulalah hari ini, bermulalah sekarang, janganlah menanggung lagi. TUHAN sedang menanti untuk mengampuni kita dan memulihkan kita. Dia ingin memulihkan negara kita. Marilah kita mengambil langkah yang pertama.

Panduan Doa:

1. Bukalah hatimu dan mintalah Roh Kudus untuk membawa wahyu dan keinsafan tentang segala perkara dalam kehidupanmu yang tidak berkenan kepada Tuhan Bapa.
2. Buatlah keputusan dan ketetapan untuk berubah dengan segera. Mintalah keampunan daripada TUHAN, mintalah pertolongan Roh Kudus.
3. Buatlah satu senarai. Ambillah masa untuk terus melakukan ini dalam hari-hari yang akan datang.
 ‘Kamu haruslah menyemak senarai itu dengan penuh teliti dan cermat serta tegas sebagaimana kamu menyediakan diri untuk pengadilan!’ Charles Finney, *Bagaimana mengalami Pemulihan*

Pertaubatan secara Bersama dan secara Identifikasi

Teks Injil: 1 Petrus 4: 17, Yehezkiel 22: 29-31

Sesetengah dosa merupakan dosa peribadi, tetapi ada yang bersifat korporat (umum). Dosa yang dilakukan secara umum memerlukan pertaubatan bersama-sama. Sebagai sebuah Jemaat, umat yang dipanggil atas nama Tuhan, adakah kita yang menjadi halangan, sehingga berkat Tuhan belum lagi dicurahkan di atas tanahair kita dan transformasi masyarakat belum lagi berlaku?

Tiga aspek utama untuk memeriksa diri kita:

- a. Adakah kita gagal dalam hubungan kita dengan Kristus (selaku Kepala)?
- b. Adakah kita gagal dalam hubungan kita dengan Tubuh-Nya (selaku ahli-ahli)?
- c. Adakah kita gagal dalam hubungan kita dengan dunia dan alam sekitar?

Apabila kita berhimpun bersama-sama dalam kumpulan kecil atau perhimpunan doa, marilah kita berdoa dan bertaubat; tradisi-tradisi manusia yang membawa kematian rohani, kekurangan doa, perpecahan, kekurangan kasih dan keprihatinan, sikap tidak mengendahkan golongan yang sesat Mintalah pertolongan Roh Kudus untuk mengubah hati dan kelakuan kita!

Ramai di antara kita rindu akan transformasi dan pemulihan negara kita, oleh itu **Bertaubat secara Identifikasi dan Persetujuan** mempunyai peranannya; yakni kesediaanmu untuk menyertai saudara-saudari seiman, menjadi satu dengan mereka, mengakui dosa-dosa seperti yang itu dosa-dosa dirimu (sungguhpun kamu sendiri tidak bertanggungjawab atas dosa-dosa itu) dan meminta keampunan Tuhan. Doa Daniel dalam Daniel 9: 4-19 ialah satu contoh yang baik bagi bertaubat secara persetujuan dan sesungguhnya ia berkesan.

Panduan Doa:

1. Ambil dua helai kertas. Pada satu helai, tuliskanlah ciri-ciri gereja yang berkenan di hati Tuhan, dan pada sehelai lagi tuliskan keadaan gerejamu/gereja di Malaysia. Lihatlah perbezaan-perbezaannya dalam mulalah bertaubat di hadirat Tuhan. Lakukanlah ini dalam kumpulan kecil/perhimpunan doa atau berdoa bersama seorang dua penganut Kristus.
2. Lihatlah kejadian-kejadian dalam negara kita. Mintalah Roh Kudus untuk memenuhimu dengan belas kasihan, dan kemudian kenal pasti kelemahan-kelemahan atau kebutaan kumpulan-kumpulan lain. Bertaubatlah bagi pihak mereka dan mintalah belas kasihan TUHAN. Adalah baik jika kamu mengambil masa untuk memikirkan tentang ini dan seterusnya berhimpunlah bersama penganut-penganut Kristus yang lain untuk bertaubat dan doa.
3. Secara peribadi, akuilah kepada TUHAN sekiranya sebelum ini kamu tidak memberi perhatian terhadap perkara-perkara di atas dan terlalu sibuk dengan perkara-perkara dirimu sendiri.

Tuhan akan Mengampunkan serta Memulihkan

Teks Injil: 2 Tawarikh 7: 13-15

¹³ *Apabila Aku menahan hujan, atau menyuruh belalang memakan habis tanaman, atau mendatangkan wabak kepada umat-Ku, ¹⁴ tetapi jika umat-Ku yang dipanggil atas nama-Ku*

(a) merendahkan diri

(b) berdoa kepada-Ku

(c) mendekati-Ku bersemuka

(d) lalu bertaubat dan berhenti melakukan perbuatan jahat,

maka Aku (TUHAN)

(a) dari syurga akan mendengarkan mereka

(b) dan mengampunkan dosa mereka

(c) serta menjadikan negeri mereka makmur semula

dan Aku bersedia mendengarkan semua doa yang diucapkan di sini.

Hasrat TUHAN adalah untuk mendengar doa kita serta mengampuni dosa kita dan memulihkan bumi kita. Tiada sesuatu perkara yang terlalu sukar bagi-Nya. Bahkan sebuah negara boleh dilahirkan dalam sehari (Yesaya 66: 8). Negara ini merupakan warisan Anak-Nya (Mazmur 2: 8). DIA merupakan Kepala Jemaah dan DIA mahu mengambil tempat yang terutama. (Efesus 5: 23). DIA terus mengetuk pintu hati kita dan menginginkan keintiman bersama setiap kita (Wahyu 3: 20). Namun, sanggupkah kita mengikut cara Tuhan dan bukannya cara kita? Yakni kita akan terus merendahkan diri kita dan bergantung kepada-Nya. Mahukah kita meluangkan masa untuk berdoa dan mencari WajahNya, menjadi Umat yang mengejar Hadirat Tuhan? Adakah kita sanggup bertaubat untuk diri kita, gereja kita, komuniti kita dan negara kita secara berterusan? Kita telah mendengar kesaksian-kesaksian hebat bagaimana Tuhan membawa transformasi di beberapa negara, serta bagaimana tanah di bumi berkenaan dipulihkan dari ketandusan dan diliputi dengan tumbuh-tumbuhan menghijau yang sememangnya tumbuhan asli di bumi tersebut hanya disebabkan sentuhan pemulihan Tuhan! Sungai dan airnya juga dipulihkan. Penjara-penjara ditutup dan orang ramai mula hidup dengan harmoni sehingga masyarakat begitu diberkati! Tunggu sebentar; tidakkah ini berlaku pada hari-hari John Wesley? Bukankah kita umat yang bergelar Methodist dan Malaysialah kariah kita? Dan bukannya Malaysia mempunyai mandat untuk menyediakan jalan untuk kepulauan RAJA yang MULIA? Tidak perlu kita memandang tempat lain, *inilah Masanya dan pandanglah Dirimu!* Keputusanmu amat penting. Datanglah ke MPC Ketiga dengan penuh harapan. Teruslah berdoa untuk MPC Ketiga dan sediakan dirimu serta gerejamu/kelompokmu dengan doa.

Apa yang belum pernah dilihat atau didengar, atau terlintas dalam fikiran manusia,
Itulah yang disediakan oleh Allah untuk orang yang mengasihi Dia (1 Korintus 2: 9)

Supaya sekarang *melalui jemaah*, semua yang memerintah dan yang berkuasa di angkasa dapat mengetahui pelbagai ragam kebijaksanaan Allah (Efesus 3: 10)

Panduan Doa:

1. Buatlah keputusan untuk menjadi seorang dari golongan umat Tuhan yang penuh dengan harapan yang mulia untuk melihat Kerajaan Tuhan didirikan betul-betul di mana kamu berada. Mintalah kasih karunia dan pertolongan Roh Kudus agar kamu mampu menanggung harganya untuk terus tabah sehingga adanya perubahan.
2. Buatlah keputusan bahawa kamu hendak mengamalkan 2 Tawarikh 7: 14, bukan sahaja secara peribadi malah bersama sebuah kumpulan yang komited.
3. Nyatakan kepada Tuhan yang kamu benar-benar percaya bahawa DIA adalah Tuhan yang setia, Tuhan yang berkuasa, Tuhan yang penyayang, Dia tentunya akan melaksanakan Firman-Nya dan janji-janji-Nya!
4. Isytiharkanlah perubahan-perubahan yang kamu rindui pada peringkat peribadi, peringkat korporat/gereja serta peringkat komuniti atau nasional. Bersyukurlah kepada Tuhan!



PANDUAN “PUASA DAN DOA” TIGA HARI UNTUK PERSIDANGAN-PERSIDANGAN TAHUNAN

<i>Tarikh</i>	<i>Jadual Puasa dan Doa</i>
1 08-10 Ogos (Jumaat-Ahad)	Gereja-gereja Persidangan Misi Sengoi Methodist (PMSM)
2 11-13 Ogos (Isnin-Rabu)	Gereja-gereja Persidangan Tahunan Iban Sarawak (SIAC)
3 14-16 Ogos (Khamis-Sabtu)	Gereja-gereja Persidangan Tahunan Bahasa Cina (CAC)
4 17-19 Ogos (Ahad-Selasa)	Gereja-gereja Persidangan Tahunan Provisional Sabah (SPAC)
5 20-22 Ogos (Rabu-Jumaat)	Gereja-gereja Persidangan Tahunan Trinita (TRAC)
6 20-22 Ogos (Rabu-Jumaat)	Gereja-gereja Persidangan Tahunan Cina Sarawak (SCAC)
7 26-28 Ogos (Selasa-Khamis)	Gereja-gereja Persidangan Tahunan Tamil (TAC)

Hubungan Kami:

1. Persidangan Tahunan Bahasa Cina
<http://www.methodist.org.my/>
2. Persidangan Tahunan Tamil
<http://tacmethodist.org/>
3. Persidangan Tahunan Trinita
<http://www.trac.org.my/>
4. Persidangan Tahunan Cina Sarawak
<http://www.sarawakmethodist.org/>
5. Persidangan Tahunan Iban Sarawak
<http://www.sarawakibanmethodist.org/>
6. Persidangan Tahunan Provisional Sabah
<http://www.sabahmethodist.org/>
7. Persidangan Misi Sengoi (Sengoi Mission Conference)
<http://www.cornerstone.com.my/methodistchurch/index.cfm?&menuid=30>

MPC Ketiga – Papan Loncatan Pemulihan

Teks Injil: 2 Tawarikh 34: 14-33

Apabila kita berdoa, apakah yang kita hendaki sebenarnya? Kita menghendaki hadirat Tuhan menjadi kenyataan di kalangan kita. Kita menghendaki agar kemuliaan Tuhan meliputi negara kita sebagaimana air meliputi laut. Kita hendak supaya Tuhan bertakhta dan memerintah – kebenaran, keadilan, rahmat dan kasih, harmoni dan kemakmuran, dan semuanya hidup dalam kesaksamaan (Satu Malaysia). Kita memerlukan suatu Pemulihan di Tanah kita! Pemulihan hanya akan terjadi apabila kita mematuhi peraturan Tuhan dan jalan Tuhan. Kita percaya bahawa pada masa kairis Tuhan Bapa, Dia telah membimbing kita untuk mengadakan MPC Ketiga pada tahun 2014. Selaras dengan apa yang berlaku dalam negara, ini merupakan seruan semboyan untuk membangkitkan Gereja Methodist di Malaysia supaya kita bertaubat serta kembali kepada TUHAN. Inilah satu seruan lantang untuk kita bersungguh-sungguh mencari WajahNya, mengetahui jalan-Nya dan menjadi sebuah Gereja yang berkenan di Hati-Nya Sendiri! Segala persediaan doa merupakan satu perjalanan, proses ke arah menyediakan jalan untuk TUHAN hadir di MPC Ketiga. Setiap langkah yang diambil dan setiap orang amat berharga. Kita mengharapkan Hadirat-Nya akan mengubah kita buat selama-lamanya! MPC Ketiga akan menjadi satu Permulaan Baru kepada kita semua ...

Kita menginginkan Pemulihan. Tuhan telah menetapkan beberapa prinsip.

Pertamanya: **Pemulihan ialah Kembali Semula kepada Alkitab (Revival is Re-Bible).**

'Aku menghadap Rumah-Mu yang suci, aku sujud dan memuji nama-Mu kerana Engkau setia dan kasih-Mu kekal, kerana Engkau telah menunjukkan bahawa nama-Mu dan firman-Mu agung.' Mazmur 138: 2

Aku suka kepada orang yang rendah hati dan bertaubat, yang takut dan taat kepada-Ku. Yesaya 66: 2b

Langit dan bumi akan lenyap, tetapi firman-Ku kekal selama-lamanya. Matius 24: 35

Apabila kita meninjau Perjanjian Lama, kita melihat bahawa pembacaan Taurat Tuhan di khalayak awam memainkan peranan penting dalam pemulihan umat-Nya, contohnya Ezra membacakan Taurat (Nehemia 8: 1-12), Josiah yang mendengar Taurat (2 Tawarikh 34: 14-33) ... John Wesley menggelar Methodist, "umat Sebuah Buku". Oh, betapa kita jauh ketinggalan ... !

Panduan Doa:

1. Bertaubatlah bagi pihak gereja-gereja kita, kelalaian kita terhadap Firman-Nya. Kita boleh begitu sibuk dengan banyak perkara sehingga kita tidak meluangkan masa berkualiti untuk mengkaji Firman-Nya. Berdoalah untuk para paderi, pemimpin, jemaah, dan keluarga-keluarga.
2. Yesus berkata, "Kata-kata yang Aku katakan kepada kamu datangnya daripada Roh Allah yang memberikan hidup." (Yohanes 6: 63b). Paulus berkata dalam 2 Korintus 3: 6 "Dialah yang menyebabkan kami sanggup mengabdikan diri kepada perjanjian yang baru. Perjanjian itu tidak terdiri daripada hukum yang tertulis, tetapi daripada Roh Allah. Hukum yang tertulis itu membawa kematian, tetapi Roh Allah memberikan hidup." Berdoalah agar pelayanan ajaran Firman dibimbing oleh Roh serta diurapi oleh Roh (Yohanes 14: 26, 16: 13).
3. Berdoalah berdasarkan Firman Tuhan, isytiharkanlah dengan menggunakan Firman Tuhan. Lakukannya dengan IMAN, percayalah bahawa Tuhan akan memastikan Firman-Nya serta janji-janji-Nya ditunaikan (Yeremia 1: 11-12). [*Ibrani 4: 2 Hal itu demikian, kerana seperti mereka, kita sudah mendengar Berita Baik itu. Mereka mendengar perkhabaran itu, tetapi berita itu tidak berguna bagi mereka, kerana ketika mereka mendengarnya, mereka tidak percaya kepada janji Allah itu.*]

Hari Kedua

Membina Tempat Kediaman untuk TUHAN

Teks Injil: 17: 20-23

Pemulihan terjadi apabila manifestasi hadirat Tuhan menjadi suatu kenyataan di kalangan kita. Bagaimanakah kita menyambut Hadirat Tuhan supaya menetap bersama kita dan bukan sekadar mendapat kunjungan-Nya di sesetengah perhimpunan atau majlis sahaja?

Jawapannya adalah **Kasih serta Kesatuan.**

Bayangkanlah jika kamu mempunyai seorang rakan karib, yang rumahnya sering kamu kunjungi untuk makan bersama dan tinggal bermalam. Namun kali ini, sebaik sahaja pintu dibuka, kamu mendapati adanya bau seperti letupan! Suami isteri nampaknya sedang bergaduh, anak-anak pula tergenang air mata. Adakah kamu akan terus tinggal untuk malam makan dan kemudian bermalam di situ? Ataupun kamu akan mencari jalan terpendek untuk memberi alasan supaya meninggalkan rumah itu secepat mungkin?

Inilah keadaan kita, penganut Kristus, Gereja Yesus Kristus. Kita berpecah belah atas faktor perkauman, bahasa dan budaya. Kita berkumpul mengikut denominasi yang berbeza, gereja-gereja atau organisasi-organisasi; kita mudah dipisahkan oleh fahaman teoloji dan amalan-amalan pelayanan yang berbeza. Kita juga cuba bersaing antara satu sama lain dan mengatakan yang kitalah yang terbaik dalam ... Adakah kita masih mengharapkan Tuhan Bapa selesa tinggal di kalangan kita (kita bergaduh dalam rumah yang akan didiami oleh Dia!)? Hanya apabila kita mencapai tahap saling mengasihi sebagaimana Kristus telah mengasihi kita (Yohanes 13: 34-35), saling menghormati dan menganggap pihak lain lebih penting daripada kita sendiri (Filipi 2: 3-5), apabila kita mengenyahkan agenda dan rancangan-rancangan serta cita-cita kita dan ingin hanya mendakapi Hati Tuhan serta Jalan Tuhan, barulah Dia akan menemui satu tempat kediaman di kalangan kita serta menyatakan hadirat-Nya. Kemudian semua yang berada di tanah itu akan dipenuhi dengan rasa kagum dan berlumba-lumba menuju kepada Nya!

Panduan Doa:

1. Akuilah perpecahan di antara kita di hadapan Tuhan serta pemikiran yang mengutamakan hal-hal sendiri dan perbuatan-perbuatan yang mementingkan diri sendiri. Mintalah keampunan kerana menyedihkan hati Bapa kita, Penyelamat (yang merupakan Kepala Jemaah) dan Roh Kudus.
2. Berdoalah untuk keinsafan dan pertolongan Roh Kudus supaya pertaubatan kita menghasilkan buah. Mintalah Roh Kudus menunjukkan tindakan-tindakan khas yang harus kita ambil sekarang.
3. **TINDAKAN:** sama ada dalam keluarga Gereja Methodist yang berkepelbagaian (gereja-gereja tempatan yang berlainan, persidangan tahunan) atau dengan gereja-gereja yang berbeza dalam kawasan kamu, berusaha untuk mengambil langkah-langkah untuk berbaik semula. Contohnya, membuat panggilan telefon, pergi minum bersama, menghantar mesej emel bertanya khabar ... lakukanlah sesuatu hari ini untuk mendemonstrasi kesudianmu untuk mencapai perpaduan dan kasih, bagi menyambut kehadiran RAJA!

Pemulihan, Transformasi, Reformasi

Teks Injil: 1 Petrus 1: 1-9

Terdapat sebuah lagu: “Inilah hari ketibaan janji yang bagaikan hujan pada musim bunga, janji untuk memberkati semua umat Tuhan ...” Apabila kita membaca Buku Kisah Rasul-rasul dan segala yang berlaku, kita mengetahui bahawa Roh Kudus yang diutuskan sebagaimana yang diminta Yesus kepada Bapa telah mendatangkan segala perubahan. Oleh itu, adakah hadirat Roh Kudus masih berada dalam kehidupan kita? Mengapakah kuasa Roh Kudus tidak dinyatakan melalui kita untuk membaik pulih dunia ini? Masyarakat di sekitar kita semakin merosot. Terdapat kira-kira dua bilion penganut Kristus di muka bumi hari ini tetapi mengapakah masalah-masalah utama seperti dosa, kemiskinan dan penyakit masih melanda bumi ini?¹

Pemulihan berlaku apabila Tuhan mencurahkan keinsafan mendalam tentang dosa, jiwa-jiwa dibawa masuk Kerajaan Syurga, muzijat terjadi setiap hari, dan kuasa TUHAN meliputi hati dan jiwa para penganut Kristus. Transformasi masyarakat atau bandar berkenaan akan berlaku kerana kehidupan penduduknya telah diubah. Sebaliknya, reformasi bermakna satu pemindaan atau pembaikan terhadap apa yang telah rosak, menginstitusikan rencana Tuhan dari segi cara kita mengurus dan menjalankan perniagaan; pendidikan, media dan hiburan, masyarakat dan struktur keluarga mengikut peraturan dan organisasi yang ditetapkan oleh Tuhan. Jika sebuah negara mengalami transformasi tanpa reformasi, maka tidak lama kemudian negara itu akan jatuh hancur semula ke tahap asalnya.²

Yesus datang untuk mendirikan Kerajaan Bapanya di bumi (Matius 1: 17, 12: 28). Kamu dan saya merupakan alat-alat bagi tujuan ini (Kejadian 1: 26-28). Doa kita adalah supaya MPC Ketiga akan menjadi saluran yang akan digunakan oleh Tuhan untuk menyedarkan setiap kita tentang peranan yang diberikan Tuhan dalam masa yang sebegini. Hendaklah kita berfikiran panjang dan tidak berpuas dengan sekadar merasai kehadiran TUHAN semasa doa dan penyembahan kita sahaja. Kita sedang bergerak ke arah Wahyu 11: 15:

“Allah, Tuhan kita dan Penyelamat yang diutus-Nya mempunyai kuasa untuk memerintah dunia.
Dia akan memerintah selama-lamanya”

Panduan Doa:

1. Mintalah Roh Kudus memberimu fikiran yang sama dengan Kristus. Alihkanlah pandanganmu dari dirimu sendiri atau gereja tempatan dan lihatlah apa yang dilakukan Tuhan. Dari Taman Eden hinggalah Yerusalem Baru, Dia ingin diam di kalangan umatNya. Dia sedang memajukan Kerajaan-Nya menerusi Gereja dan kamulah sebahagian daripada gereja. Bukalah hatimu untuk memuat turun Hati-Nya. Buatlah ketetapan bahawa kamu dan gerejamu beserta penganut-penganut Kristus lain dan Gereja-gereja lain akan memenuhi kehendak Hati-Nya, yakni syurga akan datang ke bumi di sini dan pada saat ini. Berdiam dirilah dan benarkan Roh Kudus berkomunikasi denganmu. **MUSTAHAK:** Ambillah sebatang pen untuk mencatatkan apa yang dikatakan oleh TUHAN dalam hatimu untuk doa dan tindakan susulan.
2. Berdoalah agar melalui MPC Ketiga Tangan Tuhan membantu Gereja Methodist untuk memahami Hati-Nya, mendakapi Hati-Nya serta mengenapi Kehendak Hati-Nya pada saat ini untuk negara kita, tidak kira di manapun kita ditempatkan dan apa jua pelayanan yang diamanahkan kepada kita.

¹ Rujukan: *The Reformation Manifesto* by Cindy Jacobs

² Seperti diatas